

25 JUL 2002

Asean-Jawatankuasa/I

MESYUARAT ASEAN DI BANDAR SERI BEGAWAN BERMULA

Oleh: R.Ravichandran

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Julai (Bernama) -- Para pegawai Asean hari ini memulakan mesyuarat tahunan Jawatankuasa Tetap Asean (ASC) dan mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Kanan.

Ia berlansung di Pusat Konvensyen Antarabangsa di sini yang merupakan venue untuk Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) ke-35, Forum Serantau Asean (ARF) ke-9 dan Pasca Persidangan Peringkat Menteri.

Ketiga-tiga mesyuarat itu akan berlangsung dari 29 Julai hingga 1 Ogos. Delegasi Malaysia ke mesyuarat ASC diketuai Ketua Pengarah Bahagian Asean Kementerian Luar, Kamal Ismaun. Butiran mengenai mesyuarat itu tidak diedarkan kepada media.

ASC merupakan organ kerjasama Asean dalam mengkaji semula tugas pelbagai jawatankuasa dengan hasrat untuk melaksanakan garis panduan dasar yang ditetapkan oleh AMM.

Ia dianggotai Ketua-ketua Pengarah Jabatan Asean di Kementerian Luar negara masing-masing dan melapor terus kepada Menteri-menteri Luar Asean yang kemudiannya akan melaporkannya kepada Ketua Negara atau Kerajaan.

Mesyuarat ASC akan diikuti Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas mengenai Inisiatif Integrasi Asean (IAI). IAI dilancarkan pada Sidang Kemuncak tidak rasmi Asean ke-4 pada November 2000 di Singapura dengan matlamat mengurangkan jurang antara negara anggota Asean serta meningkatkan daya saing Asean sebagai sebuah wilayah.

Inisiatif itu dibimbing prinsip "memakmurkan jiran" dan seterusnya memakmurkan Asean yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia menyediakan kerangka kerja untuk kerjasama serantau yang membolehkan negara anggota membantu negara anggota lain yang memerlukannya dengan tumpuan kepada bidang pendidikan, pembangunan kemahiran dan latihan kerja.

Asean atau Persatuan negara-negara Asia Tenggara ditubuhkan pada 8 Ogos, 1967 di Bangkok. Ia dianggotai Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

RV AZH LAT